

Headline	Kadar sewaan ruang pejabat dijangka turun		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	25 Aug 2016	Color	Full Color
Section	Ekonomi	Circulation	171,663
Page No	18	Readership	563,000
Language	Malay	ArticleSize	202 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,992
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,977



## Kadar sewaan ruang pejabat dijangka turun


**KUALA LUMPUR 24 Ogos** - Jumlah penawaran pejabat dengan kadar pendudukan yang rendah sejak 2015 dijangka menurunkan kadar sewaan ruang pejabat, kata perundingan hartanah.

Pengarah Urusan PPC International Sdn. Bhd., Datuk S. Siders mengunjurkan bilangan ruang pejabat yang besar kira-kira 10 juta kaki persegi, tersedia dalam tempoh tiga tahun akan datang.

Berdasarkan bekalan pejabat yang meningkat dan penurunan penyewaan sejak 2015, kadar sewaan dijangkakan terus kekal pada kadar semasa atau mengalami penurunan pasca 2016.

"Menerusi penawaran bekalan daripada TRX, Bandar Malaysia, Menara118 dan pembangunan bersepadan yang lain, pasaran ruang pejabat dijangka menyaksikan lebihan bekalan secara umumnya, kecuali berlaku pemulihan dalam aktiviti ekonomi yang diluar jangkaan," katanya kepada Bernama.

Berdasarkan cabaran ekonomi semasa, dalaman dan luaran, Siders berkata, beliau tidak menjangkakan pemulihan pada separuh kedua 2016, namun menjangkakan pemilik tanah akan



**CABARAN** semasa ekonomi mendorong pemilik bangunan mengurangkan kadar sewa untuk menarik penyewa dan mengurangkan kerugian. - GAMBAR HIASAN

menyesuaikan kadar sewa untuk menjadikannya lebih menarik kepada baka penyewa.

"Pada masa ini, Tabung Haji telah menyemak semula kadar sewa lima tingkat pertama bangunan pejabat mereka di sekitar pusat bandar kepada RM5 sekaki persegi berbanding antara RM7.50 dan RM8.50 bagi setiap kaki persegi sebelum ini.

"Langkah ini bertujuan untuk

mendapatkan penyewa dan memaksimumkan kadar penghujian bangunan. Kemungkinan ada tuan-tuan tanah lain mencontohnya atau menawarkan paket sewaan yang menarik untuk mendapatkan penyewa untuk bangunan mereka," katanya.

Siders berkata, persekitaran pasaran pejabat dijangkakan terus mencabar untuk tempoh dua hingga tiga tahun akan datang.